



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 15 SEPTEMBER 2023

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	KERAJAAN PERSEKUTUAN WUJUDKAN LIMA STRATEGI TANGANI MASALAH KEKURANGAN BERAS DALAM NEGARA, WILAYAHKU -ONLINE HASIL PADI SUSUT DIHADAPI SELURUH DUNIA, DALAM NEGERI, UM -30 6 ASNAF DAN 12 HEKTAR TANAH!, LOKAL, HM -26	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
4. 5.	HASIL PENGELUARAN PADI TERBURUK DI SELANGOR TAHUN INI, NEGARA, KOSMO -14 HASIL PADI DI SELANGOR REKOD PENGELUARAN TERBURUK, NEGERI SELANGOR, SH -26	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
6. 7.	TIADA KEBENARAN MERANCANG - EXCO, DALAM NEGERI, UM -33 HENTI PROJEK KOLAM TERNAKAN UDANG, NEGERI PULAU PINANG, SH -24	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
8. 9. 10. 11. 12.	SELANGOR FOKUS 12 TANAMAN BERNILAI TINGGI, NEGERI SELANGOR, SH -24 SELANGOR LAKSANA BANCIAN PERTANIAN, NEGERI SELANGOR, SH -24 'BERAS SIAM PUN NAIK HARGA', NEGERI KEDAH, SH -26 BERAS GERAJ JADI PILIHAN RAMAI, NEGERI TERENGGANU, SH -26 PADI FARMING WOES, MUKA DEPAN, THE SUN -1	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/9/2023	WILAYAHKU	ONLINE	

Kerajaan Persekutuan wujudkan lima strategi tangani masalah kekurangan beras dalam negara



KERAJAAN Persekutuan melalui Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) mewujudkan lima strategi bagi menangani masalah kekurangan beras putih yang sebelum ini mencetuskan polemik dalam negara.

Menurut KPKM, strategi yang dilaksanakan ini antaranya mengarahkan pengilang beras menyerahkan 20 peratus stok padi mereka kepada kerajaan melalui Syarikat Padiberas Nasional Berhad (BERNAS).

“BERNAS akan memproses serta mengagihkan kepada pembekal beras termasuk dengan memberikan lesen khas kepada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA) dan syarikat bumiputera yang terpilih. “Program ini memudahkan kerajaan untuk memantau kuantiti beras tempatan yang dapat dibekalkan kepada pasaran tempatan yang mengalami gangguan bekalan,” kata KPKM.

KPKM berkata pihaknya akan mengenakan had pembelian dengan setiap pengguna atau peniaga kedai makan hanya boleh membeli maksima 100 kilogram (kg) beras putih tempatan bagi memastikan bekalan beras stabil dan semua pihak boleh mendapatkan bekalan beras tanpa sebarang masalah.

Selain itu, Ops Beras Putih Tempatan 2.0 akan dilancarkan bagi memastikan bekalan beras dapat dipulihkan sekali gus menstabilkan pasaran.

“KPKM mengadakan kerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) untuk melakukan pemeriksaan besar-besaran dengan lebih kerap terhadap semua pengilang, pemborong dan penjual beras bagi memastikan tiada penyelewengan dilakukan,” katanya.

Katanya lagi, Task Force Beras Tempatan juga telah dibentuk dan pasukan ini akan melakukan pemeriksaan rawak ke atas beras import yang dijual di pasaran dan melakukan analisis kimia bagi mengesan penipuan atau campuran beras Justeru itu bagi menstabilkan beras dalam negara, KPKM telah melancarkan talian hotline **03-8870 1751 / 1748 / 1183** bagi memudahkan orang ramai menyalurkan maklumat tentang bekalan atau penyelewengan yang dikesan oleh mereka.

Sementara itu, menurut KPKM, harga Beras Putih Import (BPI) ditentukan oleh negara pengeksport beras.

“Tahun ini harga beras dunia telah naik dengan mendadak berbanding tahun lepas. Contohnya harga jualan beras Thailand pada Ogos 2022 dijual pada USD400 (RM1,870/tan) tetapi pada Ogos 2023 harga jualannya sudah mencecah USD650 (RM3,039/tan),” katanya.

Jelas KPKM, BERNAS terpaksa membuat pelarasan harga beras import dari RM2,300/tan kepada RM3,250/ tan.

Tambahnya, sekiranya BERNAS tidak membuat pelarasan harga, BERNAS akan mengalami kerugian RM80 juta sebulan dan keadaan ini berisiko menjejaskan peranan BERNAS sebagai penyedia stok penimbal beras negara.

KPKM menegaskan hanya harga beras tempatan yang dikawal oleh kerajaan iaitu pada kadar RM2.60 sekilo. – **WILAYAHKU**

Hasil padi susut dihadapi seluruh dunia

Oleh MOHAMAD ATHIR ISMAIL

athir@utusan.com.my

KUALA SELANGOR: Penyusutan hasil padi dihadapi Selangor dikenal pasti akibat kesan daripada perubahan iklim dan serangan penyakit yang turut dihadapi di peringkat global sehingga menyebabkan pengurangan hasil padi di negara-negara.

Malah, hasil padi di negeri ini berdasarkan musim terkini dilaporkan berada pada tahap tiga hingga empat tan metrik sek hektar, jauh lebih rendah daripada purata tahunan sebelum pandemik Covid-19.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur dan Pertanian, Izzam Hashim berkata, penyusutan tersebut perlu ditangani menerusi inovasi dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D) untuk mengatasi masalah berkenaan.

"Satu lagi kita tengok sejak Covid-19 dan perubahan iklim, hasil padi sebenarnya (terjejas) kerana kita menghadapi cuaca yang sudah bengkak kuota untuk eksport. Meroka pun menghadapi masalah kekurangan."

"Perubahan iklim adalah satu perkara yang membebani kesan kepada pertanian di seluruh dunia, dan kita sebagai negara perlu memperkukuh dan membangunkan (R&D) perlu diperkemas, contoh kalau pertanian moden yang menggunakan tanaman dalam bangunan atau rumah hijau, venturila ia tidak terduduk lagi," katanya.

"Namun tidak semua tanaman boleh dibuat dalam rumah hijau," katanya kepada pembertit selepas merasmikan Hari Inovasi Pertanian dan Agropren di Kompleks Pertanian dan Industri Makanan, Seri Mambau, Selangor semalam.

Pada program tersebut, beliau memahamkan Jabatan Pertanian Malaysia (DOSM) akan menjayakan bancian pertanian di negara ini secara kesedaran dengan menggunakan data yang dapat mendapatkan data-data terkini



Satu lagi kita tengok sejak Covid-19 dan perubahan iklim, hasil padi sebenarnya (terjejas) di seluruh dunia, kesannya ramai yang sudah hentikan kuota untuk eksport."

IZZAM HASHIM

dan tepat dalam sektor tersebut. Menurutnya, pengumpulan data tersebut penting untuk mengenalpasti faktor-faktor iklim yang memberi kesan kepada kolektan pertanian di Selangor. Ia boleh digunakan untuk menambah baik pengurusan serta meningkatkan pengeluaran pada masa akan datang.

Dalam pada itu, Izzam turut menegaskan bahawa pihaknya akan memastikan padang lima musim dalam tempoh dua tahun dan menyatakan kendah tersebut perlu diteliti kerana relevan pada tempat-tempat tertentu.

Apabila perah bunt, ia sebenarnya kerna diteliti ada lain terutamanya air, kalau sistem pengalirannya, bugus... sebab itu Menteri Pertanian dan Keperluan Makanan (Datuk Seri Mohamad Sabu) minta kelulusan kepada kita untuk RM3 bilion. Kita pun peruk."

"Kedua adalah benth, masalah besar kita adalah benth bercampur-campur. Ada benth yang tempoh masanya pendek, boleh, tetapi kena semua tahun benth."

"Sebenarnya memang boleh bunt, cuma kaedah itu tidak mampan disebabkan isu-isu disebutan tadi. Kalau kita boleh perbaiki dengan baik, benth kena yang sesuai, rawatan tanah dan pembaikan pur dilakukan, itu."

"Sebenarnya memang boleh bunt, cuma kaedah itu tidak mampan disebabkan isu-isu disebutan tadi. Kalau kita boleh perbaiki dengan baik, benth kena yang sesuai, rawatan tanah dan pembaikan pur dilakukan, itu."

"Sebenarnya memang boleh bunt, cuma kaedah itu tidak mampan disebabkan isu-isu disebutan tadi. Kalau kita boleh perbaiki dengan baik, benth kena yang sesuai, rawatan tanah dan pembaikan pur dilakukan, itu."

15/9/2023

HARIAN
METRO

LOKAL

26

LZNK BANTU GOLONGAN PETANI DAIF

6 asnaf dan 12 hektar tanah!

Oleh Noorazura Abdul Rahman
am@hmetro.com.my

Alor Setar

Bantu golongan petani daif keluar dari kepompong kemiskinan. Itu usaha murni dilakukan Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) melalui pengembalian tanah sawah terbiar di luar kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada) sebagai inisiatif membantu

golongan itu. Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Zakaria Othman berkata, bagi peringkat permulaan, pihaknya akan mengambil alih tanah sawah terbiar seluas 12 hektar terletak di Kampung Chepir, Sik yang sudah mula diusahakan enam asnaf terpilih.

"Projek ini adalah kesinambungan di bawah inisiatif Smart SBBA yang bermula sejak 2021 di atas tanah

201.7 hektar di daerah Yan, Kuala Muda, Kubang Pasu dan Kota Setar. Ia diusahakan oleh 73 asnaf fakir dan miskin setempat.

"Purata pendapatan bulanan asnaf ini masing-masing mencecah sehingga RM2,500 hingga RM3,000. Ia sekali gus membantu mereka bagi meningkatkan hasil dan kualiti padi yang ditanam disamping mengurangkan kos dengan ketara setiap musim," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Zakaria berkata, bagi mengurangkan lagi kos, petani di bawah Smart SBBA, LZNK mula melaksanakan penanaman padi benih MK297 secara percubaan di atas tapak seluas 15 hektar, yang diusahakan lapan peserta miskin.

Katanya, kaedah penanaman adalah dengan menggunakan jentera berteknologi tinggi dan semua padi benih ini akan dijaga dengan rapi sehingga mencapai usia 105 hari.

padi benih sendiri, peserta Smart SBBA LZNK tidak akan lagi bergantung sepenuhnya kepada padi benih yang dijual di pasaran.

"Langkah ini bukan sahaja dapat menjimatkan kos penanaman padi tinggi. Malah padi benih ini juga akan sentiasa dipantau bagi menghasilkan padi yang lebih bermutu dan berkualiti tinggi sekaligus memberikan hasil yang lebih kepada para peserta," katanya.

BAGI permulaan LZNK akan mengambil alih tanah sawah terbiar seluas 12 hektar terletak di Kampung Chepir, Sik.





PENGELUARAN padi di Selangor pada tahun ini hanya merekodkan tiga hingga empat tan metrik sehektar.

Hasil pengeluaran padi terburuk di Selangor tahun ini

KUALA SELANGOR – Tanaman padi di Selangor tahun ini merekodkan hasil pengeluaran paling buruk iaitu hanya tiga hingga empat tan metrik sehektar.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur dan Pertanian negeri, Izham Hashim berkata, data itu diperolehi menerusi pengeluaran musim terbaharu padi sebelum ini.

Jelas beliau, faktor penyusutan itu antaranya berpunca perubahan iklim dan cuaca selain

serangan penyakit.

"Setakat ini, hanya hasil padi di Sekinchan mencatatkan purata pengeluaran melebihi empat tan metrik semusim.

"Pengeluaran rendah tanaman itu bukan saja berlaku di Selangor, malah di seluruh dunia," katanya ketika ditemui pada Hari Inovasi Pertanian Selangor 2023 di Kompleks Pejabat Pertanian Kuala Selangor di sini semalam.

Susulan itu katanya, kerajaan negeri perlu meneliti pelaksanaan

an penanaman padi lima kali dalam dua tahun bagi meningkatkan hasil pengeluaran padi.

"Kita bersama Jabatan Pertanian Selangor dan Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) harus melihat terlebih dahulu perkara itu terutama kesesuaian tanaman berkenaan.

"Ia bukan perkara baru, namun belum sesuai kerana beberapa isu timbul dari segi penggunaan benih padi dan perawatatan tanah," ujarnya.

15/9/2023

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

33

Projek ternakan udang Kampung Kuala Juru dihenti

Tiada kebenaran merancang - Exco

Oleh **SAFINA RAMLI**
utusannews@mediamulia.com.my

GEORGE TOWN: Cadangan projek ternakan udang yang didakwa akan dibangunkan di atas tanah yang bakal dijadikan penempatan rumah nelayan di Kampung Kuala Juru, di Bukit Mertajam dekat sini, dihentikan berikutan tidak mempunyai kebenaran merancang.

Pengerusi Jawatankuasa Agroteknologi dan Keselamatan Makanan dan Pembangunan Koperasi negeri, Fahmi Zainol berkata, beliau dimaklumkan projek yang dicadangkan di bawah bidang kuasa Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) itu dihentikan.

"Saya dimaklumkan projek tersebut diarahkan untuk dihentikan kerana tiada kebenaran merancang.

Mertajam membantah aktiviti ternakan udang yang didakwa bakal dibangunkan di atas tanah yang sepatutnya dilaksanakan projek perumahan untuk mereka.

Mereka mendakwa LKIM sebelum ini berjanji membantu golongan nelayan yang tidak mempunyai kediaman memiliki rumah sejak 25 tahun lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Penduduk Kampung Kuala Juru, Wahid Othman berkata, bagaimanapun selepas lebih dua dekad berlalu, projek perumahan untuk penempatan nelayan serta penduduk yang dijanjikan itu masih belum dibina.

Malah, penduduk dikejutkan dengan pencerobohan sebuah syarikat yang tidak diketahui ke tanah berkeluasan hampir 11 hektar itu yang membersihkan kawasan tersebut bagi melaksanakan aktiviti ternakan udang.



FAHMI ZAINOL

"Kita juga sudah berbincang dengan LKIM bersama nelayan untuk mengharmonikan keadaan," katanya dalam sidang akhbar di sini semalam.

Sebelum ini, puluhan nelayan di Kampung Kuala Juru, di Bukit

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/9/2023	SINAR HARIAN	NEGERI	24

Henti projek kolam ternakan udang

Siasatan mendapati tiada kebenaran merancang daripada PBT

Oleh SYAJARATULHUDA MOHAMAD ROSLI GEORGETOWN

Pihak berkuasa memberhentikan cadangan projek kolam ternakan udang yang didakwa dibangunkan atas tanah sepatutnya dijadikan penempatan rumah nelayan di Kampung Kuala Juru.

Exco Agroteknologi dan Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi, Fahmi Zainol berkata, arahan itu dibuat selepas mendapati projek tersebut tidak mendapat kebenaran merancang daripada pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Tanah ini milik Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan di luar bidang kuasa kerajaan negeri. Saya dimaklumkan projek tersebut sudah diarahkan berhenti.

"Kita juga sudah berbincang dengan LKIM bersama nelayan untuk mengharmonikan keadaan," katanya ketika sidang media di Pejabat Ketua Menteri di sini pada Khamis.

Sebelum ini, komuniti nelayan dan penduduk Kampung Kuala Juru membantah pencerobohan tanah milik LKIM selepas dijanjikan untuk membangunkan perumahan nelayan sejak 25 tahun lalu.

Tindakan pencerobohan itu dikesan penduduk pada Ogos lalu selepas mendapati dua jentolak memasuki kawasan berkenaan bagi melakukan kerja pembersihan di kawasan seluas 10.9 hektar untuk dibangunkan projek ternakan udang.

Susulan itu, Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) menggesa LKIM melaksanakan segera projek perumahan



Seorang penduduk menunjukkan lokasi kawasan rancangan projek perumahan untuk nelayan Kampung Kuala Juru.

nelayan yang tertangguh sejak sekian lama.

CAP juga menyatakan kekesalannya kerana walaupun rancangan pembinaan projek itu sudah lama diluluskan, namun hingga sekarang nelayan yang memerlukan rumah sendiri masih

menunggu pembinaannya.

Sementara itu, Pengerusi LKIM, Muhammad Faiz Fadzil berkata, pihaknya akan membangunkan projek akuakultur di kampung berkenaan sehingga projek perumahan mendapat kelulusan pihak berkaitan.

Selangor fokus 12 tanaman bernilai tinggi

KUALA SELANGOR - Kerajaan Selangor mengenal pasti 12 jenis tanaman bernilai tinggi yang perlu diperluaskan pada masa depan.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur dan Pertanian Selangor, Ir Izham Hashim berkata, tanaman yang menggunakan teknologi tinggi industri asas tani (IAT) itu memerlukan lebih ramai pembabit dalam kalangan usahawan dan petani.

"Antara 12 tanaman bernilai

tinggi itu seperti cendawan, melon, nenas, nangka dan halia," katanya ketika ditemui selepas Majlis Perasmian Hari Inovasi Pertanian Selangor 2023 di Kompleks Pejabat Pertanian Kuala Selangor, di sini, pada Khamis.

Izham berkata, selain tanaman, kerajaan Selangor turut memberi tumpuan kepada sektor pertanian lain dalam bidang perikanan dan ternakan.

Sehubungan itu, katanya, kerajaan Selangor mahu menjadikan

pembudayaan inovasi pertanian sebagai satu komponen penting dalam memperkasa sektor itu di negeri ini.

"Sama juga dalam pertanian yang sebenarnya memerlukan teknologi baru untuk kekal relevan selain meningkatkan pengeluaran," katanya.

Izham berkata, mengambil contoh beberapa negara seperti Thailand, Taiwan dan Belanda, negara terbabit jauh ke depan dalam bidang inovasi pertanian.

"Inovasi membantu menyumbang semula dari segi keuntungan, produktiviti, hasil dan mengurangkan kos.

"Sebab itu, tumpuan kepada inovasi pertanian perlu diberi ruang dan diperhebatkan kerana ia boleh dikomersialkan," katanya.

Beliau berkata, antara buah-buahan yang mula menjalani proses inovasi seperti penghasilan jeruk melon yang dianggap unik dan mempunyai permintaan tinggi.

"Biasanya apabila penanaman melon, hampir 20 peratus hasil buah rosak dan terencat manakala hanya 80 peratus sahaja yang elok.

"Apabila tercipta inovasi, buah (melon) ini boleh dijadikan sebagai jeruk setanding jeruk mangga di pasaran," tambahnya.



Izham (tengah) melawat gerai dan pameran pada Hari Inovasi Pertanian Selangor 2023 di Kompleks Pejabat Pertanian Kuala Selangor pada Khamis.

Selangor laksana bancian pertanian

KUALA SELANGOR - Kerajaan Selangor akan melaksanakan bancian pertanian kepada semua sektor yang bergiat dalam industri asas tani di negeri itu bermula Julai tahun depan.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur dan Pertanian Selangor, Ir Izham Hashim berkata, bancian tersebut dijalankan secara menyeluruh di seluruh negara oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Menurutnya, langkah itu dianggap penting bagi mengumpul dan memperoleh data terperinci industri pertanian.

"Bancian ini penting untuk kenal pasti jumlah golongan petani, pekebun, pesawah dan penternak yang sentiasa berubah mengikut hasil pertanian masing-masing.

"Masalah utama adalah kita tiada data lebih tepat mengenai pertanian terutama bagi mengenal pasti pengeluaran hasil tanaman dan pembangunan tanah," katanya selepas Majlis Perasmian Hari Inovasi Pertanian Selangor 2023 di Kompleks Pejabat Pertanian Kuala Selangor di sini pada Khamis.

Sehubungan itu, Izham berkata, bancian akan dilaksanakan secara besar-besaran melibatkan kunjungan dari rumah ke rumah untuk merekodkan data tersebut.

"Kita sebelum ini memang ada membuat bancian, namun hanya menerusi *online* (dalam talian) dan melibatkan mereka yang berdaftar.

"Bancian ini akan dibuat ke atas semua pihak terlibat dalam aktiviti pertanian sama ada persendirian, swasta mahu pun koperasi," jelas beliau.

Menurut Izham, bancian dijangka turut melibatkan negeri lain dan mungkin memakan tempoh masa lama kerana membabitkan jumlah yang ramai.

"Selain itu, kita mencadangkan bancian tidak hanya dalam tempoh tertentu seperti lima tahun, namun dibuat secara berkala," ujarnya.



IZHAM

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/9/2023	SINAR HARIAN	NEGERI	26

'Beras Siam pun naik harga'

ALOR SETAR - Harga semasa beras di negara Thailand dilaporkan turut mengalami kenaikan harga seperti yang berlaku kepada harga beras import di negara ini.

Seorang penduduk di Dan Nok, Thailand, Abdullah Yerenapoh, 55, berkata, bungkusan beras lima kilogram (kg) dijual antara 139 Baht hingga 199 Baht (RM18.50 hingga RM26.50) mengikut jenama.

Bagi beras 10kg pula dijual antara 350 Baht hingga 450 Baht (RM46.60 hingga RM60) juga mengikut jenama masing-masing.

Menurutnya, harga yang dijual tersebut dilihat tidak jauh berbeza dengan harga beras import yang dijual di Malaysia.

"Harga beras di sini pun naik juga," katanya kepada *Sinar Harian* menerusi khidmat pesanan ringkas (SMS) pada Khamis.

Beras Gerai jadi pilihan ramai

Produk tempatan dari Besut itu dijual murah, harga serendah RM13 untuk 5kg

Oleh NORHASPIDA YATIM
KUALA TERENGGANU

Selain jenama Beras Ganu, satu lagi keluaran beras tempatan dari Besut iaitu Beras Gerai mula menjadi pilihan rakyat Terengganu kerana dijual pada harga rendah.

Beras keluaran Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Gerai itu dijual pada harga RM13 untuk setiap bungkusan seberat 5 kilogram (kg) sementara bungkusan seberat 10 kg dijual pada harga RM26.

Pengurus Besar PPK Gerai, Amrul Azri Shamsuddin berkata, beras dikeluarkan mengikut harga kawalan ditetapkan kerajaan itu melibatkan 1,402 pesawah dengan kawasan padi seluas 2,926 hektar di daerah tersebut.

Menurutnya, setakat ini sebanyak 45 tan metrik Beras Gerai dikeluarkan setiap bulan untuk dipasarkan di seluruh Terengganu ser-



Pengerusi LPP, Datuk Mahfuz Omar (tiga dari kanan) meninjau proses pembungkusan Beras Gerai ketika melakukan lawatan ke Kilang Padi Konsortium Pertubuhan Peladang Terengganu di Jertih, Besut pada Julai lalu.

ta turut melibatkan beberapa kawasan di Selangor.

"Kita akan tingkatkan pengeluaran beras ini kepada dua kali ganda menjadikan sebanyak 90 tan metrik beras dikeluarkan menjelang Disember tahun ini berdasarkan permintaan yang semakin tinggi.

"Kita jangka dalam tempoh 10 tahun lagi, kita dapat memasarkan Beras Gerai untuk pasaran di seluruh negara," katanya ketika dihubungi di sini pada Khamis.

Menurut Amrul Azri, aktiviti pengedaran beras di bawah naungan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) itu turut mendapat kerjasama

Pertubuhan Peladang Negeri Selangor.

"Kita mendapat kerjasama yang baik bagi memasarkan produk ini bagi memenuhi permintaan pengguna yang berada di luar Terengganu.

"Setakat ini kesemua 15 PPK di seluruh Terengganu dijadikan pusat pengedaran beras tersebut sebelum dipasarkan kepada pengguna melalui lebih 30 pasar raya dan kedai runcit di sekitar Terengganu," ujarnya.

Sebelum ini, *Sinar Harian* melaporkan kerajaan negeri Terengganu akan meningkatkan pengeluaran beras bagi memenuhi permintaan pengguna.

Hasil padi di Selangor rekod pengeluaran terburuk



Izham (dua dari kiri) menyampaikan anugerah kepada pemenang pada Hari Inovasi Pertanian Selangor 2023 di Kompleks Pejabat Pertanian Kuala Selangor pada Khamis.

KUALA SELANGOR - Tanaman padi tahun lalu di Selangor merekodkan hasil pengeluaran paling buruk iaitu hanya tiga hingga empat tan metrik sehektar.

Exco Infrastruktur dan Pertanian Selangor, Ir Izham Hashim berkata, antara punca hasil padi pengeluaran berkurangan disebabkan serangan penyakit dan faktor lain.

Menurutnya, hasil padi di kawasan Sekinchan sahaja mencatatkan purata pengeluaran melebihi empat tan metrik semusim.

"Faktor pengeluaran rendah ini bukan berlaku di Selangor sahaja, tetapi seluruh negara dan dunia," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Majlis Perasmian Hari Inovasi Pertanian Selangor 2023 di Kompleks Pejabat Pertanian Kuala Selangor di sini pada Khamis.

Ditanya adakah Selangor bersedia melaksanakan penanaman padi lima kali dalam dua tahun bagi meningkatkan hasil pengeluaran padi, Izham berkata, perkara itu perlu diteliti terlebih dahulu dengan Jabatan Pertanian Selangor dan Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA).

Beliau memberitahu, pihaknya perlu terlebih dahulu melihat kesesuaian tanaman itu di negeri ini.

"Ia bukan perkara baru, cuma belum sesuai disebabkan perlu melihat dari segi penggunaan benih dan perawatan tanah.

"Kita bimbang apabila projek ini dilaksanakan nanti jika tiada perawatan tanah dibuat, kawasan tanaman bertambah tidak subur," katanya.

Menurutnya lagi, projek itu juga memerlukan sistem saliran lebih sistematik dan dirancang.




INSIDE

page 2 'Budget 2024 should focus on good governance'

page 3 No discussion on sackings at Umno meeting



An associate professor from Universiti Malaya says Malaysia should focus on achieving 100% self-sufficiency in rice production. — **BERNAMAPIC**



Padi farming woes

BY RAVEEN AINGARAN
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: Local padi farming has seen years of lacklustre development in production. It is only able to maintain yield at a moderate rate, which is worrying since there is a large gap between production and food security, said Universiti Malaya Institute of Biological Sciences Assoc Prof Dr Muhamad Shakirin Mispah.

Comparing the cost of rice production in Malaysia with figures in Thailand and Vietnam, Shakirin said padi planting areas are very much larger in the two countries.

"This (alone) enables Thailand and Vietnam to produce more. That apart, Malaysia's industrialisation policy has led to the conversion of much of its agricultural land to industrial land.

"Land rental, land preparation and labour represent 80% of the cost of rice production in Malaysia, with fertilisers, pesticides and seeds accounting for the remaining 20%."

Shakirin said more farmers would be encouraged to plant padi if the production costs are lowered as it would translate into a decent return on their investment.

He added that the high land management and labour costs deter farmers from making

Expert explains why Malaysia fails where Thailand and Vietnam have succeeded

additional investments to increase production, with poor yield and the high cost of seeds adding to the woes of farmers.

On the rice farming systems in Thailand and Vietnam that make it so effective in the two countries compared with Malaysia, Shakirin said: "They have policies that emphasise the importance of agriculture to their national economies, and ensure that they have adequate land to produce enough food for their population.

"They also stress on producing more rice for the global market, especially to countries with economic structures that do not put high emphasis on rice production, like Malaysia."

Shakirin said for Malaysia to emulate Thailand and Vietnam's success in rice production, it should first focus on achieving 100% self-sufficiency.

"We shouldn't have any problems becoming self-sufficient if we have regulations that safeguard us from depending on imports.

"There are large tracts of uncultivated land that is suitable for padi farming in the country,"

Shakirin added.

On the possibility of adopting the systems of rice production as practised in Thailand and Vietnam, Shakirin pointed out that Malaysia has different landscape, weather as well as market dynamics.

"Since the economic structures of Thailand and Vietnam are distinct (from ours), it is quite difficult (for us) to just replicate what they are doing."

He said to a certain extent, the management of the rice industry rather than padi planting has been given the priority in Malaysia.

Meanwhile, Padiberas Nasional Bhd (Bernas) said it has endured a very challenging first half of the year due to multiple external factors, such as climate change, weakening foreign exchange rates, high operational costs and regional conflicts.

"These factors have collectively triggered a significant impact on the global rice trading market, and it was compounded by the effect of India's recent ban on the export of white rice."

In response, Bernas adjusted the prices of all imported white rice, increasing the price to RM3,200 per metric tonne from RM2,350 previously.

As of Sept 11, imported white rice from Thailand and Vietnam was sold at RM2,901.91 per metric tonne. Fragrant rice from the two countries was sold at RM3,725.68 and RM3,369.96 per metric tonne respectively.

"Imported broken rice from Thailand and Vietnam is sold at RM2,293.44 and RM2,480.66 per metric tonne respectively."

Mydin Mohamed Holdings Berhad managing director Ameer Ali Mydin, the owner of Mydin hypermarkets, said the government does not need to implement rice subsidies in order to manage prices.

He said Malaysia already has such a mechanism, with price controls on Super Special *Tempatan* 5% rice, which consists of 5% broken rice, at RM26 for a bag of 10kg.

"I believe we should avoid getting distracted by yet another subsidy, which will be quite expensive for the government," he said.

"The government should look into prioritising the domestic production of rice, so that it doesn't have to look into subsidising imported rice each time we have a price increase due to shortage."